



PEJABAT TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
OFFICE OF DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
SEKTOR OPERASI PENDIDIKAN
EDUCATIONAL OPERATION SECTOR
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 4 BLOK E2, KOMPLEKS E
LEVEL 4 BLOCK E2 COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : +603-8884 9302
Faks : +603-8888 6680
Website : <http://www.moe.gov.my/>

Ruj. Kami: KPM.100-1/3/2 Jld. 2 (3)
Tarikh: 04 Jun 2020

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 5 TAHUN 2020**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN PEMBUKAAN SEMULA SEKOLAH
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Surat siaran ini bertujuan memaklumkan berkenaan Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

2. KPM komited dalam memastikan murid tidak ketinggalan dan dapat mengikuti pembelajaran secara berterusan dalam keadaan yang selamat. Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bilangan 06/2020 bertarikh 29 April 2020 telah meluluskan garis panduan ini sebagai rujukan kepada pentadbir, guru dan ibu bapa/penjaga berkaitan pengurusan sekolah dalam tempoh pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Tempoh pasca PKP adalah masa yang kritikal dalam memastikan keselamatan murid, guru dan warga sekolah. Perkara ini mestilah diberikan keutamaan.
3. Sehubungan dengan itu, garis panduan ini dikeluarkan bertujuan memastikan:
 - i. pengurusan sekolah dan asrama dapat berlaku dengan lebih teratur dan lancar;
 - ii. keselamatan dan kesihatan murid diutamakan semasa mereka berada dalam premis sekolah; dan
 - iii. proses pengajaran dan pembelajaran berlaku seperti yang dirancang dalam keadaan yang selamat.


Sila catatkan rujukan Pejabat ini apabila berhubung

4. Oleh itu, bagi membantu dan memudahkan pengurusan sekolah selepas tempoh PKP, bersama-sama ini **dilampirkan** Garis Panduan Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.
5. Garis panduan ini adalah terpakai kepada semua institusi pendidikan termasuk Kolej Vokasional dan Kolej Tingkatan 6 bawah KPM dan Institusi Pendidikan Swasta yang berdaftar dengan KPM.
6. Pengetua, guru besar, pentadbir sekolah dan guru hendaklah mematuhi semua tatacara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut. Sekolah perlu membuat persiapan persediaan pembukaan sekolah dengan merujuk kepada garis panduan yang dilampirkan.
7. Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) diminta membuat pemantauan bagi memastikan pematuhan terhadap garis panduan ini oleh semua sekolah bawah pentadbiran masing-masing.
8. Surat siaran ini **berkuat kuasa** serta merta mulai pada tarikh surat ini dikeluarkan. Oleh itu, Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 3 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Disebabkan Penularan Jangkitan COVID-19 bertarikh 27 Mac 2020 adalah **dibatalkan**.
9. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dimohon mengambil tindakan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, JPN, PPD dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



HAJFADZMAN BIN TALIB

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Sektor Operasi Sekolah)

merangkap Timbalan Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

1. YB Menteri Kanan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
9. Ketua Nazir
Jemaah Nazir
Kementerian Pendidikan Malaysia
10. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia
11. Ketua Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pendidikan Malaysia